



Kami berkongsi perjalanan Yayasan JCorp sepanjang tahun 2025 dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan dan menyuburkan potensi masyarakat. Sebagai pemacu impak sosial Johor Corporation, kami membina kerjasama mampan bagi memperkukuh komuniti dan memacu perubahan. Kami beraspirasi untuk membentuk masa hadapan yang lebih inklusif menerusi bidang fokus Pendidikan; Seni, Budaya & Warisan; Alam Sekitar; serta Kesejahteraan Komuniti dengan iltizam membina ekonomi yang berdaya tahan, memelihara warisan, memupuk kelestarian alam sekitar, serta membantu golongan yang memerlukan, seiring pertumbuhan bersama pihak berkepentingan.



MEMBENTUK DAYA TAHAN MASA HADAPAN

Reka bentuk kulit hadapan yang dinamik dan transformatif ini melambangkan peranan serta sumbangan Yayasan JCorp dalam memperluas impak sosial melalui empat bidang fokus utamanya. Komposisi visual yang tersusun, dipadankan dengan garisan melengkung yang menghubungkan setiap segmen Yayasan JCorp, menzhahirkan kesinambungan usaha dan aspirasi organisasi dalam membentuk impak yang bermakna terhadap kesejahteraan masyarakat pada masa hadapan.



TRANSFORMASI FILANTROPI MENERUSI E³



Perancangan Strategik: 2026-2030 (SP 26-30)

Untuk tempoh 2026-2030, strategi Yayasan JCorp dipacu komitmen untuk mentransformasikan inisiatif filantropi kami menjadi impak sosial yang bermakna. Usaha ini berpaksikan komitmen: **Memperkuh (Elevate). Memperkasa (Empower). Berdaya Tahan (Enduring) (E³)**, yang dipandu oleh visi jangka panjang untuk menjadi peneraju Yayasan korporat berteraskan impak di Malaysia.

Visi

Untuk menjadi peneraju yayasan korporat berasaskan impak di Malaysia, memacu kemakmuran inklusif dan mampan menerusi inovasi, kolaborasi, dan pencapaian yang signifikan.

Misi

Untuk mempersiapkan masyarakat menghadapi cabaran masa hadapan menerusi usaha inovasi, keterangkuman, dan kemampanan bagi memperkuh transformasi.

Peranan

Pemacu
Kehidupan Lebih
Baik

Perintis &
Pemangkin
Perubahan Sosial

Penyepadu
Sistem

Bidang Fokus



Pendidikan

Pembelajaran Inovatif
dan Inklusif untuk
Semua



Seni, Budaya & Warisan

Meraikan Identiti,
Memelihara Warisan



Alam Sekitar

Kelestarian
Alam Sekitar



Kesejahteraan Komuniti

Memperkasa Komuniti
untuk Generasi Akan
Datang

Nilai Teras Kami

Personaliti Jenama

- Amanah
- Pencetus perubahan
- Pencetus semangat
- Prihatin

Membina & Membela sebagai Teras Kami

Mencipta nilai dan masyarakat yang mampan

- Kemakmuran
- Komuniti
- Kelestarian

Matlamat Kami

**MEMACU KECEMERLANGAN ORGANISASI
MENERUSI DATA PINTAR**





Pertumbuhan Pesat dan Berdaya Tahan

Kami sedang mempelbagaikan sumber pembiayaan menerusi:

- Endowmen & Pelaburan
- Kerjasama Perusahaan Sosial
- Geran & Kerjasama
- Perkhidmatan Perundingan
- Sumbangan & Pendanaan Awam

Pendekatan ini bertujuan memastikan struktur pembiayaan yang bebas dan berdaya tahan.



Penciptaan Nilai Jangka Panjang Berteraskan Pihak Berkepentingan

Dengan komuniti sebagai keutamaan, kami beralih daripada pendekatan pelaksanaan program semata-mata kepada model kerjasama yang lebih mendalam, dengan membangunkan penyelesaian secara bersama melibatkan kerajaan, NGO dan sektor swasta demi mencipta nilai jangka panjang serta memperkukuh pengaruh terhadap dasar dan pembangunan masyarakat.



AI, Inovasi Digital dan Transformasi

Ke arah memperluas impak, halatuju kami tertumpu kepada pembangunan platform SROI digital, pengukuhan analitik ramalan, serta pelancaran perkhidmatan perundingan berteraskan AI menjelang tahun 2030.



Impak dan Kelestarian Alam Sekitar

Selaras dengan aspirasi sifar bersih JC Corp, kami berhasrat untuk menjadi hab rujukan kelestarian yang diiktiraf serta pemangkin kepada projek kredit karbon di seluruh Kumpulan menjelang 2029-2030. Inisiatif ini merangkumi pelaksanaan audit karbon, pemudahcaraan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, serta pelaksanaan program dalam 'Green Champions'.



Budaya Berprestasi Tinggi dan Kecemerlangan Operasi

Anggota Pekerja kami adalah penggerak utama organisasi. Kami komited membina kumpulan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan menerusi usaha pembangunan bakat yang tersusun, pengukuhan keupayaan kepimpinan, serta pemerolehan pengiktirafan kecemerlangan organisasi secara formal.

TRANSFORMASI FILANTROPI MENERUSI E³

Selaras dengan JCorp, Menyokong Agenda Pembangunan Negara

Strategi Yayasan JCorp terletak pada pendekatannya yang dirangka secara menyeluruh bagi menyokong Keutamaan Strategik JCorp iaitu pertumbuhan pesat, transformasi digital, kepimpinan mampan, penciptaan nilai jangka panjang berteraskan pihak berkepentingan, serta budaya berprestasi tinggi. Yayasan ini tidak bergerak bersendirian; kami merupakan jentera penting dalam usaha JCorp mencipta nilai kepada masyarakat berlandaskan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab.

Program-program Yayasan JCorp juga diselaraskan dengan agenda pembangunan nasional dan negeri seperti Rancangan Malaysia Ke-13, agenda Maju Johor 2030, Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, serta komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Inisiatif Utama Yayasan JCorp	Dasar/Kempen Negeri Johor	Dasar/Keutamaan Persekutuan
 Pentas Seni Johor	✓ Visit Johor 2026	✓ Visit Malaysia 2026
 Projek Legasi Johor (Kain Benang Johor)	✓ Agenda Budaya Negeri Johor berkaitan UNESCO (peringkat negeri dengan pelarasan antarabangsa)	✓ Pemeliharaan Warisan Kebangsaan
 STEM & Sustainable Schools	✓ Zon Ekonomi - Johor Singapura (pertumbuhan ekonomi rentas sempadan dan pembangunan bakat)	✓ Rancangan Malaysia ke-13: Pendidikan STEM, TVET, Agri Pintar (Kesediaan pekerjaan untuk Industri 4.0) <i>Kurikulum Persekolahan 2027</i>
 Akademi Dalam Industri (ADI)	✓ Agenda Budaya Negeri Johor berkaitan UNESCO (peringkat negeri dengan pelarasan antarabangsa)	✓ Rancangan Malaysia ke-13: TVET, Kesediaan Pekerjaan untuk Industri 4.0
 Penanaman Pokok & Pemeliharaan Ekosistem	✓ Maju Johor: Keselamatan, Kebersihan & Kelestarian Alam Sekitar	✓ Rancangan Malaysia ke-13: Ekonomi Biru <i>Kurikulum Persekolahan 2027</i>
 Program Kebajikan & Komuniti	✓ Maju Johor: Jaring Keselamatan Sosial, Belia Johor	✓ Rancangan Malaysia ke-13: Pembasmian Kemiskinan
 Pemeliharaan Ekosistem Marin & Pesisir Pantai	✓ Visit Johor 2026: Pelancongan marin mampan dan perlindungan ekosistem pesisir pantai	✓ Rancangan Malaysia ke-13: Ekonomi Biru
 Ekonomi Kitaran & Hab Kitar Semula Komuniti	✓ Maju Johor: Keselamatan, Kebersihan & Kelestarian Alam Sekitar	✓ Rancangan Malaysia ke-13: Penggunaan Mampan & Pengurusan Sisa Buangan

Kedudukan Strategik Menjelang 2030

Menjelang tahun 2030, Yayasan JCorp beraspirasi untuk muncul sebagai peneraju yayasan filantropi di Malaysia, di samping menjadi pemacu utama impak sosial negara, rujukan utama dalam SROI dan pengukuran nilai sosial, serta pemudahcara dan peneraju pemikiran dalam sektor sosial. Kami mempamerkan kecemerlangan menerusi pelaksanaan program-program yang terbukti dan berakauntabiliti, idea-idea inovatif yang diterjemahkan dengan jelas, serta kerjasama strategik yang memberi hasil maksimum. Kami mengangkat standard demi mencapai kecemerlangan kolektif.



Program yang Terbukti

Idea-idea Inovatif

Kerjasama Bermanfaat


Bagi kami,
tiada ruang untuk
kesederhanaan,
hanya
kecemerlangan



EVOLUSI YAYASAN JCorp



Sejak penubuhannya pada tahun 1997, Yayasan JCorp telah melalui pelbagai transformasi yang mengubah landskap, daripada sebuah yayasan filantropi konvensional kepada institusi berteraskan impak.



Sepanjang lima tahun ini, Yayasan JCorp telah memperkukuh tadbir urus, mengadaptasi pendigitalan, serta berkembang sebagai rakan strategik yang dipercayai dalam inisiatif impak sosial. Antara pencapaian utama kami termasuk penerapan rangka kerja tadbir urus yang kukuh seperti dasar pelaporan salah laku (whistleblowing) dan dasar anti-rasuah, penjenamaan identiti korporat baharu, serta peralihan kepada Microsoft Dynamics 365 sebagai sebahagian daripada transformasi kewangan digital yang lebih menyeluruh. Usaha ini berjaya meningkatkan ketelusan operasi, kecekapan, dan tahap kredibiliti organisasi.

Perkembangan Yayasan JCorp turut diperkukuh menerusi kerjasama strategik dengan platform antarabangsa seperti **Asia Pacific Climate Week**, **the Green Legacy Summit**, serta **International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia**, sekali gus menjadikan kami peneraju nasional dalam agenda kelestarian.

Kami turut menerima liputan media yang meluas, lantas mengukuhkan reputasi Yayasan JCorp sebagai sebuah yayasan yang berwibawa dan berpengaruh. Capaian digital kami turut menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan pertambahan jumlah pengikut media sosial daripada 22,000 pada tahun 2021 kepada 77,000 pada tahun 2025. Perkara ini sekali gus mencerminkan pengaruh kami yang semakin meluas dalam landskap filantropi di Malaysia.



MAKLUMAT KORPORAT



Nama Syarikat

Yayasan Johor Corporation



Alamat Operasi

Aras 18, Menara KOMTAR
80888 Ibrahim International Business District
Johor Darul Ta'zim



Tempat dan Tarikh Penubuhan

Malaysia, 9 Jun 1997



Juruaudit Syarikat

Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
No. 555, Jalan Samudra Utara 1
Taman Samudra
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan



Nombor Pendaftaran Syarikat

199701018871 (434368-M)

MENCIPTA IMPAK LEBIH BESAR



PENDIDIKAN



Jumlah peruntukan sebanyak

RM1.25
juta



Program Dilaksanakan

7



Jumlah Capaian Sejak 2016

87,056

Pelajar & Guru

Untuk maklumat lanjut mengenai sumbangan kami dalam bidang fokus Pendidikan, sila rujuk halaman 16 hingga 33.



ALAM SEKITAR



Jumlah peruntukan sebanyak

RM1
juta



8
Program Dilaksanakan



Jumlah Sukarelawan

226

Untuk maklumat lanjut mengenai sumbangan kami dalam bidang fokus Alam Sekitar, sila rujuk halaman 44 to 65.



SENI, BUDAYA & WARISAN



Jumlah peruntukan sebanyak

RM0.9
juta



Program Dilaksanakan

3 Platfom Utama



Jumlah Pengunjung/Penonton

45,702

Untuk maklumat lanjut mengenai sumbangan kami dalam bidang fokus Seni, Budaya & Warisan, sila rujuk pada halaman 34 to 43.



KESEJAHTERAAN KOMUNITI



Jumlah peruntukan sebanyak

RM1.1
juta



Program Dilaksanakan

10 Inisiatif Impak Sosial



Jumlah Penerima Manfaat Secara Langsung

2,306
Individu



Jumlah Individu Menerima Manfaat (Termasuk Tajaan)

117,450

Untuk maklumat lanjut mengenai sumbangan kami dalam bidang fokus Kesejahteraan Komuniti, sila rujuk halaman 66 to 79.



ANGGOTA PEKERJA YAYASAN JCORP



① **Shahrazali Sahlan**
Pengurus

② **Muhammad Munir Mazlan**
Eksekutif

③ **Maziana Mohd Rasul**
Eksekutif

④ **Zaidatul Zurita Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif

⑤ **Muhamad Sharif Mohd Abdul Latif**
Eksekutif Kanan

⑥ **Norashikin Khamsani**
Timbalan Pengurus

⑦ **Mohammad Syfiq Miskon**
Eksekutif Kanan



⑧ **Nora Ismail**
Eksekutif Kanan

⑨ **Wan Su Ali**
Pengurus Besar

⑩ **Rosita Md Ali**
Pengurus Kanan

⑪ **Hazirah Ab Rahim**
Eksekutif

⑫ **Sharifah Hasyimah Syed Mohd Nazar**
Eksekutif Kanan

⑬ **Ruziana Hussin**
Eksekutif Kanan

⑭ **Nur Athirah Rosli**
Eksekutif Kanan

⑮ **Siti Nadzirah Hadani**
Eksekutif Kanan